

Mekanik didenda kerana cederakan pemandu yang memandu berbahaya

KUCHING: Seorang mekanik dijatuhi hukuman denda RM5,000 di Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana mencederakan seorang lelaki setelah tidak berpuas hati dengan mangsa yang memandu kereta secara berbahaya sehingga menyebabkan kenderaan tertuduh hampir terbabas.

Majistret Sandy Yvette Freddy memerintahkan tertuduh, Chang Sze Ping, 51, dipenjarakan lima bulan sekiranya gagal membayar denda. Tertuduh yang tidak diwakili peguam itu mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksamaan.

Sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau dengan sebatan atau mana-mana daripada dua seksaan tersebut.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap mangsa lelaki (pengadu) berusia 20 tahun menggunakan sebatang kayu besbol pada 25 Februari lalu, sekitar jam 10.40 malam di jalan berhadapan sebuah kilang di Jalan Kong Phin di sini.

Fakta kes mendedahkan semasa berada di lampu isyarat di hadapan kilang tersebut tertuduh meminta pengadu memberhentikan

kenderaannya.

Apabila lampu isyarat bertukar hijau, tertuduh terus menghimpit kenderaan pengadu sehingga pengadu terpaksa berhenti di tepi jalan.

Tertuduh dengan serta-merta keluar dari kenderaannya dan terus memukul pengadu menggunakan sebatang kayu besbol sebanyak lima kali di bahagian kepala dan sekali di bahagian kaki.

Berikutan itu, pengadu pingsan di tempat kejadian dan mengalami luka di kening serta belakang kepala, selain bengkak di bahagian jari kiri dan kaki kanan.

Pengadu mendapatkan

rawatan di Hospital Umum Sarawak dan membuat laporan polis, menyebabkan tertuduh ditangkap polis pada 27 Februari lalu.

Hasil siasatan mendapati punca kejadian adalah pengadu memandu kereta secara berbahaya sehingga menyebabkan kereta tertuduh hampir terbabas.

Keadaan ini menyebabkan tertuduh hilang sabar dan terus mengejar kereta pengadu serta menahannya sebelum bertindak memukul pengadu menggunakan sebatang kayu besbol.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Inspektor Mohd Adzmei Ahmad.